

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha sama Kementerian dengan pemaju perumahan dalam memastikan projek perumahan mampu milik dapat ditambah demi memenuhi keperluan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat beberapa program perumahan mampu milik sedia ada di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mensasarkan golongan berpendapatan rendah (B40) dan golongan berpendapatan sederhana (M40) untuk memiliki rumah pertama. Antaranya Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) dan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta 2.0.

2. Di bawah Skim MyHome, pemaju diberikan insentif sebanyak RM30,000 bagi projek perumahan berharga tidak melebihi RM300,000 khusus untuk pembeli rumah pertama dengan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000.

3. Manakala melalui Skim Perumahan Mampu Milik Swasta 2.0 pula, pemaju diberikan insentif sehingga 10% daripada harga jualan rumah atau maksimum RM30,000 (mengikut mana yang terendah) bagi unit rumah berharga tidak melebihi RM500,000, khas untuk pembeli rumah pertama berpendapatan isi rumah RM15,000 dan ke bawah.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, skim ini merupakan langkah Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik termasuk di negeri Kelantan yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah pertama dan pemaju-pemaju swasta.

Sekian, terima kasih.